

Akademika 87(1), April 2017:177-187

<http://doi.org/10.17576/akad-2017-8701-13>

Kata Soal dalam Dialek Perlis

Question Words in Perlis Dialect

FAZAL MOHAMED MOHAMED SULTAN & NORIATI MUHAMAD

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan kata soal dalam dialek Perlis. Data yang digunakan dalam kajian ini diambil daripada kajian lapangan yang dilakukan di negeri Perlis. Perlis adalah sebuah negeri yang kecil; terdiri daripada 3 daerah iaitu Padang Besar, Kangar dan Arau. Namun ketiga-tiga daerah ini mempunyai 22 mukim yang merangkumi 228 buah kampung. Oleh itu untuk memudahkan kajian, kawasan kajian dikenal pasti melalui grid geografi GPS yang telah dilakar berpandukan skala 5km: 1cm. Hasil daripada lakaran itu sebanyak 40 kotak grid telah dihasilkan. Setiap kotak grid itu diwakili oleh sebuah kampung. Sebanyak dua responden daripada setiap kampung telah dikenal pasti berpandukan kriteria NORMs. Data primer ini diperolehi melalui proses temu bual yang dilaksanakan terhadap responden yang menurut dialek Perlis ini. Analisis ini mendapati bahawa kata soal ini boleh dipecahkan kepada dua kategori iaitu kata soal adjung bagi kata mengkala atau bila (bila), gheno atau macam mana (bagaimana), brapa (berapa) dan awat (kenapa) manakala kata soal komplemen pula bagi kata apa, sapo (siapa) dan mana. Analisis ini mendapati bahawa semua kata soal dalam dialek Perlis mempunyai sifat yang sama iaitu boleh hadir pada kedudukan depan, tengah dan akhir ayat soal. Kajian mendakwa bahawa kesemua kata soal dalam dialek Perlis boleh bersifat bergerak dan in-situ.

Kata Kunci: Kata soal, Perlis, dialek, analisis deskriptif, partikel

ABSTRACT

This article discusses question words in the Perlis dialect. The data used in this study were taken from a field study conducted in the state of Perlis. Perlis is a small state which composed of three districts such as Padang Besar, Kangar and Arau. However, these three districts comprise of 22 small districts encompassing 228 villages. Therefore to ease the research, the study area was identified through GPS geographical grids which were drawn up in accordance with the scale of 5km: 1cm. As a result of these grids, 40 boxes were produced. Each box of grid represents a village. Two respondents from each village were identified based on NORMs criteria. The primary data were obtained through interviewing the native speakers of the Perlis dialect. This analysis found that the question words can be broken down into two categories, adjunct question words (mengkala or bila (when), gheno or macam mana (how), brapa (how many) and awat (why), while the complement question words are apa, sapo (whom) and where. This analysis found that all the question words in the Perlis dialect have the same properties. They can be found in front, at the middle and at the end of an interrogative sentence. This study claims that all the question words in the Perlis dialect can be moved and in-situ as well.

Keywords: Question words, Perlis, dialect, descriptive analysis, particle

PENGENALAN

Bahasa mempunyai fungsi yang penting bagi manusia (Saidatul Nornis 2012; Zaharani & Fazal Mohamed 2010, Nor Hashimah, Fazal Mohamed, Nurhidayah, Shakira & Harishon 2011). Bahasa itu boleh dibahagikan pula kepada pelbagai dialek dan setiap dialek itu boleh dikaji dalam bidang dialektologi. Ajid (2005) menyatakan bahawa dialektologi dapat didefinisikan sebagai kajian tentang dialek. Jika dilihat dalam Kamus Linguistik (1997) pula, dialektologi didefinisikan sebagai cabang linguistik yang menganalisis dan menghuraikan kelainan bahasa dari segi kawasan, sosial, atau tempoh, untuk menunjukkan perbezaan sebutan, tatabahasa dan kosa kata, dan penyebarannya menurut kawasan. Dialek merupakan salah satu khazanah bahasa yang sangat bernilai ketika menyampaikan idea untuk berkomunikasi. Menurut Ayatrohaedi (1979), dialek berasal daripada bahasa Yunani yang dikenali sebagai *dialektos*. Dialek didefinisikan sebagai satu bentuk bahasa yang digunakan dalam sesuatu daerah atau oleh sesuatu kelas sosial berbeza daripada bahasa standard, loghat, pelat daerah atau negeri (Kamus Dewan Edisi Keempat 2007). Menurut Kamus Linguistik (1997:61) pula, dialek ialah kelainan bahasa yang berbeza dari segi sebutan, tatabahasa dan kosa kata daripada bahasa baku. Manakala menurut Collins (1996: 20) dialek ditakrifkan sebagai:

“... satu ragam bahasa yang dapat dibezakan dengan tegas daripada ragam-ragam lain berdasarkan ciri-ciri penyebutan, kosa kata dan tatabahasa. Ragam bahasa ini terdapat di dalam daerah geografi tertentu dan di dalam suasana sosial tertentu”.

Pada umumnya, dialek merupakan satu bentuk bahasa yang sub-standard dan bersifat kedesaan, namun tidak dapat dinafikan bahawa hasil pengkajian dialek banyak manfaatnya dalam pertumbuhan bahasa. Terdapat dua kategori dialek iaitu dialek kawasan dan dialek sosial. Bagi dialek kawasan ia merujuk kepada dialek yang dituturkan dalam kelompok tertentu sahaja seperti dialek Kelantan, dialek Perlis, dialek Kedah, dialek Johor dan sebagainya (Fazal Mohamed, Nor Hashimah, Zaharani, Ajid & Harishon, 2009; Mohammad Fadzeli, Norsimah, Mohammed Azlan & Norhayati 2016). Selain itu, dialek kawasan ini juga dibahagikan mengikut kedudukan kompas iaitu utara, selatan, barat dan timur (Fazal Mohamed & Nurulafiqah 2011; Fazal Mohamed &

Norasmira 2012; Fazal Mohamed & Nurulafiqah 2013). Manakala dialek sosial pula berkaitan dengan kedudukan sosial seseorang iaitu wujud dalam kalangan kelas atasan, kelas pertengahan dan kelas bawahan. Terdapat beberapa faktor yang melahirkan dialek iaitu faktor geografi, politik, penjajahan, perdagangan, masa dan lain-lain. Kajian ini tertumpu ke kawasan dialek Utara iaitu menggunakan data dialek yang terdapat di negeri Perlis sahaja sebagai data kajian. Ini adalah kerana Asmah (2008b) telah memberikan pandangan tentang takrif dialek Kedah sebagai bahasa Melayu yang mempunyai ciri-ciri tersendiri yang dituturkan dari Perlis sampai ke Perak Utara. Penakrifan dialek Kedah yang sangat luas perlu diperincikan supaya perbezaan dialek dapat dibezakan. Oleh yang demikian untuk menunjukkan perbezaan ini maka kajian ini dimulakan dengan bahagian paling utara di Malaysia. Untuk kajian awal, penulis menumpukan kajian kepada satu jenis data sahaja iaitu kata soal yang berbentuk argumen dan bukan argumen bagi mengetahui sama ada bentuk kata soal itu bersifat bergerak atau *in situ*.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan merupakan satu proses menemukan penyelesaian ke atas masalah selepas membuat kajian dan analisis yang lengkap berhubung masalah tersebut. Penyelidikan dapat memberikan jawapan kepada ketidakpastian yang timbul. Penyelidikan merupakan satu alat berkesan yang digunakan bagi menambah pengetahuan manusia, dan teknik ini diperbaiki dari masa ke masa untuk menambah kecekapan mengkaji sesuatu masalah tertentu. Tujuan utama penyelidikan sains sosial adalah mewujudkan pengetahuan yang membolehkan kita memberi penerangan, ramalan serta pemahaman mengenai fenomena yang dikaji. Metodologi kajian adalah salah satu bahagian yang terpenting dalam sesuatu kajian kerana ia akan membantu pengkaji menjalankan kajian dengan lebih bersistematik. Pengkajian memerlukan kaedah yang sesuai supaya kajian yang dilakukan lebih teratur dan sempurna. Hal ini akan memastikan objektif kajian akan tercapai.

Kaedah pengumpulan data merupakan satu aspek dalam menganalisis data bahasa terutamanya data yang bersifat kualitatif. Kaedah yang boleh dilakukan adalah melalui pemerhatian turut serta iaitu penulis berada di sekitar kawasan

perkampungan yang terdapat di Perlis. Kawasan yang menjadi tumpuan kajian adalah berdasarkan grid pada skala peta yang merangkumi keseluruhan kawasan yang terdapat di Perlis yang telah dipecahkan kepada 22 mukim. Setiap petak pada grid skala peta mengandungi beberapa buah nama kampung, dan penulis telah memilih salah satu daripada kampung yang terdapat pada petak skala tersebut. Dalam kajian ini, penulis telah memilih 40 buah kampung yang terdapat di negeri Perlis ini. Pemilihan salah satu kampung yang berada dalam petak grid yang berskala 5km: 1cm dan mukim yang sama sudah memadai untuk menggambarkan keseluruhan kawasan tersebut.

Kaedah temu bual bersemuka digunakan bagi memperoleh data bahasa sebenar. Temu bual bersemuka merupakan kegiatan atau perbuatan berkomunikasi oleh penemubual dengan tujuan memperoleh maklumat daripada responden (Syed Arabi 2002: 69). Bagi temu bual ini, kaedah yang digunakan adalah dengan meminta informan untuk bertanya bagi mendapatkan bentuk kata soal. Selain itu, penulis juga menanyakan informan tentang sejarah, pandangan dan pengalaman yang telah berlaku bagi menjadikan informan berkomunikasi dan bercerita dalam dialek mereka. Manakala kumpulan fokus dalam kajian ini adalah tertumpu kepada sasaran khusus iaitu kepada kelompok berkenaan sahaja dan dua orang informan telah ditemu bual bagi setiap kampung yang dipilih. Pemilihan informan ini adalah berdasarkan pensampelan rawak bertujuan iaitu mengikut pendekatan *NORMs* (Chambers & Trudgill, 1980:70). *NORMs* merupakan satu pendekatan yang digunakan dalam mendapatkan informan yang sesuai sebagai data kajian dialek. Fokus data pula akan dilakukan kepada ayat yang mempunyai kata soal yang digunakan dalam dialek. Data yang diperoleh adalah berbentuk autentik, iaitu data lapangan atau dengan kata yang lebih mudah tidak menggunakan ayat contoh buatan yang serba janggal serta tidak asli.

Proses mencatat segala maklumat yang diperoleh dalam bentuk nota seperti tarikh, masa, tempat dan peristiwa yang berlaku penting supaya aktiviti transkripsi data rakaman yang diperoleh dapat dilakukan dengan lebih tepat. Rakaman yang diperoleh ini adalah dalam bentuk audio iaitu dengan menggunakan alat perakam yang bersesuaian. Transkripsi dilakukan dengan membuat cerakinan terhadap data yang diperoleh yang telah dicerakinkan mengikut golongan ayat

soal. Data ini juga akan dipecahkan kepada dua bahagian iaitu data mengikut dialek dan glos.

KONSEP AYAT SOAL

Menurut Asmah (2008a), kata soal ialah ayat yang memerlukan jawapan serta mempunyai jawapan yang diperlukan. Manakala Abdullah (2006) menyatakan bahawa kata soal memainkan tugas menyoal. Terdapat dua jenis kata soal iaitu kata soal tertutup dan kata soal terbuka. Kamus Linguistik (1997) mentakrifkan kata soal sebagai ayat yang biasanya digunakan untuk menanyakan sesuatu dan berakhir dengan intonasi menaik. Tatabahasa Dewan (2004: 243) pula, mendefinisikan kata soal sebagai ayat yang digunakan untuk tujuan menanyakan sesuatu hal. Terdapat dua jenis kata soal yang dikemukakan oleh beliau iaitu kata soal tanpa kata soal dan kata soal dengan kata soal. Kata soal tanpa kata soal dikatakan sebagai ayat yang lazimnya diucapkan dengan nada suara meninggi sebelum kesenyapan pada akhir ayat. Kepelbagaian takrifan yang diberikan oleh tokoh bahasa ini boleh dijadikan panduan yang bermakna dalam bidang kenahuan untuk memahami apa itu kata soal.

Kajian yang dilakukan oleh Ahmad Khair (2003) pula menghuraikan beberapa bentuk kata soal yang wujud. Dalam penulisan beliau menyatakan kehadiran kata soal hendaklah diakhiri dengan tanda tanya (?), dan bagi mengelakkan kata soal ini menjadi ayat penyata intonasi menaik dalam lisan dan tanda soal dalam penulisan harus diberikan bagi menggantikan tanda menaik. Dalam kata soal ini juga sering menerima partikel-*kah* yang boleh diletakkan pada kata soal atau pada kata yang bukan kata soal. Oleh itu, partikel-*kah* adalah berbentuk pertanyaan. Apabila ayat yang dihasilkan menggunakan partikel-*kah*, subjek tidak boleh mengikutinya tetapi, subjek boleh hadir sekiranya diikuti oleh perkataan *yang* terlebih dahulu. Contohnya:

- 1a) *Siapakah yang datang?*
- 1b) *Datangkan Muhamadiyah?*
- 1c) **Ropidahkah menangis?*
- 1d) *Ropidahkah yang menangis?*

Selain itu, kata soal yang menerima kata soal (siapa, apa, bagaimana, bila dan sebagainya) boleh berpindah tempat, sama ada di awal atau di akhir ayat yang berfungsi sebagai predikat ayat. Kata

soal ini boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu kata soal tertutup, kata soal terbuka dan kata soal retorik/tempelan. Bagi kata soal tertutup pula, jawapan yang diperlukan adalah ya atau tidak/ bukan dengan menambah kata soal pada ayat penyata atau dengan intonasi naik pada akhir ayat. Contohnya:

- | | |
|--------------------------------|----------------|
| 2a) Air itu panas | (ayat penyata) |
| 2b) Adakah air itu panas? | (kata soal) |
| 2c) Ya, air itu panas | (jawapan) |
| 3a) Air itu panas? | (kata soal) |
| 3b) Tidak, air itu tidak panas | (jawapan) |

Kata soal terbuka merupakan bentuk soalan yang memerlukan jawapan penjelasan atau penerangan yang tidak terhad kepada perkataan ya atau tidak tetapi ia bergantung pada maksud yang terdapat pada kata soal tersebut bagi mendapatkan maklumat yang ingin dibicarakan. Menurut Ahmad Khair (2003) juga, kedudukan kata soal ini boleh berpindah-pindah sama ada di awal atau di akhir, kecuali bagi kata *bagaimana* yang mempunyai kedudukan yang tetap iaitu di awal ayat sahaja.

KATA SOAL DIALEK PERLIS

Artikel ini menganalisis secara lebih mendalam kata soal yang dituturkan oleh penutur natif dialek Utara khususnya negeri Perlis. Maka dapatan kajian yang diperolehi akan dianalisis berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan dengan lebih awal.

Data mentah yang diperolehi daripada kesemua rakaman data yang dikumpulkan telah diterjemahkan ke dalam bentuk data bertulis. Data ini seterusnya telah dicerakinkan mengikut bentuk kata soal berdasarkan dialek iaitu 'apa' yang diucapkan sebagai *apa*, 'kenapa' diucapkan sebagai *awat* dan *pasai apa*, 'bila' di ujar *bila* dan *mengkala*, 'bagaimana' di sebut sebagai *lagumana* dan *gheno*, 'berapa' dipanggil *brapa*, 'mana' diucapkan *mana* dan 'siapa' diujarkan sebagai *sapo*. Data cerakin ini juga telah dikategorikan kepada dua bahagian atau baris iaitu bahagian pertama glos dialek Perlis dan bahagian kedua data yang telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu. Dalam paparan data mentah, gambaran yang dapat dilihat adalah berdasarkan distribusi kata soal serta kedudukan kata soal berdasarkan kehadirannya pada posisi depan ayat, tengah ayat dan akhir ayat.

Nahu preskriptif menyatakan kata soal yang menggunakan kata soal seperti *apa*, *siapa*, *berapa*, *mengapa*, *bagaimana* dan *bila* apabila dalam bentuk bahasa lisan partikel- *kah* tidak diperlukan, namun bagi bentuk bahasa tulisan pula ayat tersebut perlu menerima partikel-*kah* pada unsur yang dikedepankan. Bagi kata soal yang menggunakan ayat soal tanpa kata soal seperti nada suara yang meninggi dalam lisan dan ditandai (?) dalam tulisan pula boleh disertai partikel- *kah*, iaitu diletakkan pada unsur yang dijadikan fokus atau judul ayat. Manakala bagi bahasa Melayu lisan partikel-*kah* biasanya diletakkan pada hujung ayat (Tatabahasa Dewan 2004: 423). Bagi nahu deskriptif pula menggambarkan ayat soal tidak semestinya tetap dan diikuti oleh partikel -*kah*. Hasil daripada penelitian terhadap data dialek Perlis ini didapati partikel -*kah* tidak wujud. Ketidakhadiran partikel ini menunjukkan bahasa Melayu standard dan dialek adalah berbeza. Fenomena ketiadaan partikel ini memang dijangka kerana kata soal ini bersifat *in-situ*. Kedudukan *in-situ* adalah lebih ekonomikal berbanding berlaku pergerakan kerana ia memerlukan pelbagai prinsip yang perlu dipenuhi sebelum ayat ini dianggap gramatis. Kenyataan ini akan dilanjutkan seterusnya melalui paparan data seperti di bawah.

PAPARAN DATA

Data mentah yang diperolehi daripada kesemua responden melalui kaedah rakaman telah diterjemahkan ke dalam bentuk data bertulis. Kemudian data tersebut telah dicerakinkan mengikut bentuk kata soal *apa*, *siapa*, *kenapa*, *bila*, *bagaimana*, *berapa* dan *mana*. Setiap ayat yang telah dicerakinkan kemudian dikategorikan kepada dua bahagian iaitu dialek Perlis dan glos. Setelah itu, data akan dibincangkan berdasarkan setiap bentuk kata soal dan mengikut posisi kehadirannya dalam ayat iaitu depan ayat, tengah ayat dan akhir ayat. Analisis ini mendapati bahawa kata soal ini boleh dipecahkan kepada dua kategori iaitu kata soal adverbial bagi kata *mengkala* atau *bila* (bila), *gheno* atau *macam mana* (bagaimana), *brapa* (berapa) dan *awat* (kenapa)) manakala kata soal determiner pula bagi kata *apa*, *sapo* (siapa) dan *mana*.

KATA SOAL ADJUNG

Adjung merupakan elemen-elemen yang digabungkan dalam satu ayat, tetapi bukan melalui penyemakan fitur-fitur yang dipilih (Kartini, Rogayah & Fazal Mohamed 2016.). Adjung bukan satu terma untuk pengkategorian tetapi terma untuk objek sintaksis yang menduduki satu kedudukan tertentu dalam rajah pohon, seperti terma ‘*complement and specifier*’ (Adger 2003: 110). Kata soal Adjung merupakan kata soal yang digunakan untuk bertanyakan soalan yang berbentuk keterangan. Kategori kata soal yang tergolong dalam golongan ini ialah kata *bila*, *bagaimana*, *berapa* dan *kenapa*. Setiap kata ini akan dianalisis seperti berikut:

KATA SOAL ‘BILA’

Kata soal *bila* akan digunakan bagi bertanyakan soalan yang berkaitan dengan masa iaitu waktu dan ketika. Kata soal *bila* ini akan diucapkan sebagai *bila* dan kadang-kadang penutur dialek Perlis ini akan menggunakan kata *mengkala* bagi menggantikan kata soal *bila*. Penggunaan kata soal *bila* dan *mengkala* ini juga tidak mempunyai perbezaan kerana kata *bila* dan *mengkala* ini akan digunakan dalam aktiviti seharian mereka bergantung kepada penutur yang mengucapkannya. Perkataan ini juga tidak menunjukkan sebarang perbezaan makna dalam pertanyaan. Pada kebiasaannya kata *mengkala* ini lebih banyak digunakan oleh penutur yang lebih berusia dan berada di Kampung Abi iaitu Mukim Abi dan Kampung Santan bagi Mukim Padang Pauh yang menggunakan bahasa yang lebih pekat atau asli. Dalam (1) dan (2) ini pula, menunjukkan kehadiran kata soal pada posisi depan bagi kata soal ‘bila’ iaitu:

1. Bila hang *mai*?
Bila awak mari?
2. Mengkala hang *pi*?
Bila awak pergi?

Berdasarkan (1) dan (2) ini perkara yang disoal adalah objeknya kepada kata kerja (KK) iaitu kata kerja tak transitif (KKTT) *mai* dalam (1) dan *pi* dalam contoh (2).

Dalam (3) dan (4) adalah paparan data yang menunjukkan kata soal ‘bila’ yang berada pada posisi tengah ayat.

3. Nak *tiduq* bila ni?
Hendak tidur bila ini?
4. Hampa *tolak* mengkala dari KL?
Awak bertolak bila dari KL?

Berdasarkan ayat (3) dan (4) kata soal ini digunakan untuk menyoal kata kerja tak transitif *tiduq* dan *tolak*. Kata soal ini akan hadir selepas KK iaitu KKTT bagi kata *tiduq* pada (3) dan kata *tolak* pada (4). Ayat yang dihasilkan juga akan berakhir dengan Kata Penentu *ni* pada (3) atau diikuti oleh Frasa Preposisi tempat iaitu *dari* pada (4). Kedudukan kata soal bila dalam (3) dan (4) dianggap sebagai kedudukan tengah bagi kata soal tersebut.

Bagi kehadiran kata soal ‘bila’ yang berada pada posisi akhir ayat ini dapat digambarkan melalui data berikut:

5. Hampa *balik bila*?
Awak balik bila?
6. Hang *mai mengkala*?
Awak mari bila?

Ayat (5) dan (6) ini menunjukkan bahawa kata soal ini akan hadir selepas KK adalah bertujuan untuk menyoal kata kerjanya. KK yang digunakan adalah KKTT iaitu *balik* pada (5) dan *mai* pada (6). Kata soal *bila* ini menggambarkan kedudukannya di posisi hujung ayat.

Berdasarkan keseluruhan data yang telah dipaparkan di atas kata soal *bila* boleh berada di posisi depan ayat, tengah ayat dan akhir ayat. Kehadiran kata soal ini merupakan satu posisi yang dikenali sebagai posisi adjung. Oleh yang demikian kata soal ini dikenali sebagai kata soal adjung.

KATA SOAL ‘KENAPA’

Kata soal *kenapa* merupakan kata soal yang digunakan untuk bertanyakan sebab. Kata soal *kenapa* juga boleh hadir pada posisi depan dalam dialek ini. Kata *kenapa* ini akan diucapkan oleh penutur dialek ini sebagai *pasai apa* dan *awat*. Antara paparan data yang menunjukkan kehadiran kata *kenapa* pada posisi depan ialah:

7. Pasai apa dia tak *pi*?
Kenapa dia tidak pergi?
8. Awat hang duk *menung*?
Kenapa awak sedang termenung?

Kata soal *kenapa* ialah kata soal yang digunakan untuk bertanya sebab dan dikenali sebagai kata soal adjung. Dalam ayat (7) dan (8) menunjukkan bahawa kata soal *kenapa* ini hadir pada permulaan ayat dan akan diikuti oleh KN iaitu *dia* bagi (7) dan *hang* pada (8) dan seterusnya oleh KK. KKTT yang hadir pada ayat (7) adalah *pi* dan bagi (8) pula *menung*.

Kata soal 'kenapa' yang menduduki posisi tengah pula adalah seperti yang terdapat pada contoh:

9. *Bakaq* awat lama tak *mai*?
Bakar kenapa lama tidak mari?
10. *Mai* awat tak *bawa* lesen?
Mari kenapa tidak bawa lesen?

Berdasarkan data (9) menunjukkan kata soal pada posisi tengah ini akan hadir selepas KN fokus iaitu *Bakaq*. Kata soal *kenapa* pada posisi tengah ini bertujuan untuk menyoal objek dalam ayat. Pola ayat ini juga menunjukkan terdapat penggunaan KKTT iaitu pada (9) bagi kata *mai* dan (10) kata *bawa* pula merupakan KKT. Ayat ini juga menunjukkan satu fenomena yang dikenali sebagai fenomena pengguguran pronominal yang berfungsi sebagai subjek. Sebagai contoh "hang" yang sepatutnya menduduki posisi subjek pada (9) dan (10) telah digugurkan.

Kata soal 'kenapa' yang berada pada posisi akhir ini juga berlaku dalam dialek Perlis ini. Kenyataan ini akan dibuktikan berdasarkan contoh data yang ditemui iaitu:

11. *Adik* ni *mai* banci pasai apa?
Adik ini mari banci kenapa?
12. *Hang* tak *tiduq* lagi awat?
Awak tidak tidur lagi kenapa?

Berdasarkan contoh *pasai apa* dan *awat* didapati kata soal ini memperlihatkan pola yang sama iaitu menggunakan KKTT iaitu bertujuan untuk bertanya sebab. Dalam (11) KK yang digunakan ialah *mai*, manakala pada (12) ayat ini menggunakan kata *tiduq*.

Berdasarkan analisis di atas, keseluruhan kata soal *kenapa* yang berada di posisi depan ayat, tengah ayat dan akhir ayat ini dikenali sebagai kata adverbial. Tambahan lagi, kata soal ini dikenali sebagai adjung kerana ia hanya memberikan maklumat tambahan sahaja.

KATA SOAL 'BERAPA'

Kata soal 'berapa' pula diucapkan sebagai *brapa* dalam dialek Perlis. Kata soal *berapa* merupakan kata soal yang digunakan untuk bertanyakan nilai atau bilangan. *Brapa* ini juga mempunyai kedudukan yang unik iaitu di posisi depan ayat, tengah ayat dan akhir ayat. Bagi pola yang menunjukkan kehadiran pada posisi depan ayat adalah seperti ayat (13) dan (14).

13. *Brapa* lama *sambung*?
Berapa lama sambung?
14. *Brapa* lama *duk* Perlis?
Berapa lama duduk di Perlis?

Berdasarkan (13) dan (14) kata soal *brapa* yang berada di posisi depan ayat ini didapati akan menyoal maklumat tambahan. Manakala perkataan yang diikuti adalah KK. KK ini adalah KKTT yang terdiri daripada (13) kata *sambung* dan (14) kata *duk*. Berdasarkan ayat (13) dan (14) berlaku satu fenomena iaitu tiada subjek yang hadir dalam kedua-dua ayat tersebut.

Kata soal *brapa* juga boleh hadir di posisi tengah dan akhir ayat. Bagi kata soal 'brapa' yang berada pada posisi tengah ayat adalah seperti berikut:

15. *Duk* Perlis *brapa* lama?
Duduk Perlis berapa lama?
16. *Duk* *brapa* orang?
Duduk berapa orang?

Ayat (15) dan (16) menunjukkan pola ayat yang terdiri daripada kata soal *brapa* yang menyoal maklumat tambahan. Ayat soal ini didahului oleh KK iaitu *duk* iaitu tergolong dalam KKTT. Kata soal itu pula hadir ditengah ayat iaitu mendahului kata adjektif masa *lama* dalam (15) dan mendahului kata nama *orang* dalam (16). Ayat (15) dan (16) juga turut menunjukkan satu fenomena bahasa di mana kedua-dua ayat tidak mempunyai subjek.

Manakala bagi kata *berapa* yang berada pada posisi belakang ayat pula dapat dilihat pada contoh (17) dan (18) iaitu:

17. *Nak* *pi* pukul *brapa*?
Hendak pergi pukul berapa?
18. *Siti* *datang* pukul *berapa*?
Siti datang pukul berapa?

Data kata soal *berapa* yang berada pada posisi belakang ini juga menyoal masa dalam ayat dan hadir bersama-sama dengan KKTT. KKTT yang hadir adalah seperti (17) iaitu *pi* dan (18) *datang*.

Berdasarkan analisis deskriptif di atas kata soal *brapa* boleh berada di posisi depan ayat, tengah ayat dan akhir ayat. Kata soal *brapa* dalam dialek Perlis boleh didakwa mempunyai kedudukan adjung di dalam ayat kerana kehadiran kata soal ini bukan sebagai argumen tetapi menyoal maklumat tambahan dalam sesuatu ayat.

KATA SOAL 'BAGAIMANA'

Kata soal *bagaimana* merupakan kata yang digunakan untuk menanyakan keadaan atau cara. Bagi kata soal *bagaimana* pula dalam dialek Perlis ini akan diucapkan sebagai *macam mana* dan *gheno*. Tiada perbezaan yang membezakan antara kata *macam mana* dan *gheno* kerana perkataan ini bergantung kepada penutur yang mengujarkannya serta kata ini membawa maksud yang sama iaitu sebagai *bagaimana*. Pada kebiasaannya kata *gheno* ini lebih banyak digunakan oleh penutur yang lebih berusia dan berada di kawasan mukim Abi iaitu di kampung Abi dan Kampung Santan. Data yang dikumpul menggambarkan kehadirannya di pelbagai posisi. Kehadiran kata pada posisi depan adalah seperti (19) dan (20) iaitu:

19. Macam mana hang *buat*?
Bagaimana awak buat?
20. Gheno nak *buat* temu janji?
Bagaimana hendak buat temu janji?

Berdasarkan data (19) dan (20) didapati bahawa kata soal *bagaimana* yang berada di posisi depan ayat adalah bertujuan untuk menyoal KKTT dalam ayat. Kata soal ini hanya hadir sebagai kata soal yang memerlukan maklumat tambahan. Maka, kata soal ini berfungsi sebagai adjung.

Kata soal 'bagaimana' yang hadir pada posisi tengah ayat adalah seperti ayat (21) dan ayat (22) iaitu:

21. Nak *buat* kuih macam mana ni?
Hendak buat kuih bagaimana ini??
22. Cuba hang citer kat *aku* lagu mana dia *buat* hang?
Cuba awak cerita kepada aku bagaimana dia buat awak?

Berdasarkan (21) dan (22) didapati bahawa kata *macam mana* dan *lagu mana* yang digunakan untuk *bagaimana* bertujuan menyoal KKT iaitu bagi perkataan *buat*. Keadaan ini boleh menggambarkan bahawa bentuk soalan yang digunakan adalah sebagai maklumat tambahan sahaja kerana kata soal ini merupakan kata soal adverbial dan berfungsi sebagai adjung.

Bagi kata soal 'bagaimana' yang berada pada posisi akhir pula dapat dilihat berdasarkan ayat (23) dan (24) iaitu:

23. Hang *buat* ni gheno?
Awak buat ini bagaimana?
24. Kuih ni nak *buat* macam mana?
Kuih ini hendak buat bagaimana?

Didapati ayat kata soal *bagaimana* ini akan terhasil dalam bentuk soalan yang mempunyai KK bagi menerangkan sesuatu proses atau keadaan. Hal ini dibuktikan melalui penggunaan KKTT yang dijumpai iaitu *buat*. Malah, kata soal ini juga berfungsi sebagai adjung yang menduduki posisi akhir.

Berdasarkan kata soal *bagaimana* yang berada di posisi depan ayat, tengah ayat dan akhir ayat ini didapati KK yang hadir adalah berbentuk KKTT. Kata soal *bagaimana* pula berfungsi sebagai adjung.

KATA SOAL DETERMINER

Kata soal determiner merupakan kata soal yang digunakan untuk bertanyakan soalan yang bersifat penunjuk. Antara kata soal yang tergolong dalam kategori ini ialah bagi kata *apa*, *siapa* dan *mana*. Setiap kata ini akan dianalisis seperti berikut:

KATA SOAL 'APA'

Dalam dialek ini kata soal *apa* diujarkan sebagai *apa* juga. Kata soal *apa* ini boleh hadir pada posisi depan ayat, tengah ayat dan belakang ayat. Kehadiran di posisi depan ayat dapat digambarkan melalui pemaparan data seperti:

25. Apa hang *merapu*?
Apa awak mengarut?
26. Apa yang adik *duk* tengok?
Apa yang adik sedang tengok?

Berdasarkan (25) dan (26), kata soal *apa* yang berada di posisi depan ini menyoal objek iaitu diikuti oleh KN iaitu *hang* pada (25) dan *adik* pada (26). Pada ayat (26) kata *duk* dianggap sebagai kata modal aspek dalam dialek Perlis dan bukan KK *duduk* kerana dalam ayat ini *duk* membawa maksud *sedang*.

Paparan data untuk kata soal 'apa' yang hadir pada posisi tengah ini dapat digambarkan melalui pemaparan data seperti:

27. Orang *panggil* apa tu?
Orang *panggil* apa itu?

28. *Penyengak* tau apa tu?
Lebah *pro* tahu apa itu?

Berdasarkan (27) dan (28), ayat-ayat ini menggambarkan kedudukan kata soal yang berada di posisi tengah ini dan diikuti oleh kata penentu iaitu *tu*. Manakala permulaan ayat akan dimulai dengan KN iaitu pada contoh ayat (27) KN *orang*. Namun, contoh (28) menggambarkan bahawa ayat ini tidak mempunyai subjek. Namun demikian, mengikut Chomsky (1981) setiap ayat perlu ada subjek. Oleh yang demikian, kami mensisipkan satu bentuk yang dikenali sebagai *pro* dalam terjemahan untuk menunjukkan bahawa subjek hadir dalam ujaran dialek ini tetapi kehadirannya tidak nyata. KK yang mengikutinya pula adalah KKT iaitu memerlukan pelengkap selepasnya. Hal ini dapat dilihat pada (27) KK *panggil* dan (28) KK *tau*.

Manakala bagi bentuk yang ketiga iaitu kehadiran kata soal yang melibatkan posisi akhir ayat adalah:

29. Hang *duk* *pikiaq* apa?
Awak *duduk* *fikir* apa?

30. Kappo *duk* *buat* apa?
Awak *duduk* *buat* apa?

Dalam data (29) dan (30) didapati bahawa kata soal ini hadir pada posisi akhir juga menyoal objek iaitu bagi KN *hang* dan *kappo* dan akan diikuti oleh kehadiran KKT *pikiaq* pada (29) dan KK *buat* pada (30).

Berdasarkan keseluruhan kata soal *apa* yang berada di posisi depan ayat, tengah ayat dan akhir ayat ini, pola kehadirannya sebagai komplemen atau adjung adalah dipengaruhi oleh KK. Bagi kehadiran pada posisi depan akan diikuti

oleh KKT. Manakala bagi posisi tengah pula kedudukannya akan mengikuti KKT tetapi akan didahului oleh kata determiner 'itu'. Kehadiran kata soal *apa* pada posisi belakang pula akan diikuti oleh KKT.

KATA SOAL 'SIAPA'

Kata soal 'siapa' pula diucapkan sebagai *sapo* dalam dialek Perlis. *Sapo* ini juga mempunyai kedudukan yang unik iaitu di posisi depan ayat iaitu:

31. Sapo' *tumpang* dia balik?
Siapa *tumpang* dia balik?

32. Sapo dia *masuk* ke rumah?
Siapa dia *masuk* ke rumah?

Berdasarkan ayat (31) dan (32), kata soal *sapo* yang berada di posisi depan ini didapati akan menyoal subjek dan diikuti oleh KKT iaitu *tumpang* pada (31) dan *masuk* pada (32). Bagi ayat (32) pula, berlaku satu fenomena iaitu subjek *dia* dan kata soal *sapo* akan hadir sekali dalam satu ayat membentuk *sapo dia*.

Bagi paparan data untuk kata soal 'siapa' yang berada pada posisi tengah adalah seperti berikut:

33. Dengan *sapo* hampa *pi*?
Dengan siapa awak pergi?

34. Dia *mai* nga *sapo* tu?
Dia mari dengan siapa itu?

Berdasarkan (33) dan (34) berkenaan kata soal *sapo* yang berada di posisi tengah juga turut menyoal objek preposisi. Kata soal *sapo* pada posisi tengah dalam dialek ini akan berada di posisi komplemen. Selain itu, terdapat penggunaan KK iaitu KKT iaitu ayat (33) *pi* dan (34) *mai*.

Dalam dialek Perlis ini kata 'siapa' akan diucapkan *sapo* dan kata soal *sapo* ini juga boleh menduduki posisi akhir ayat. Hal ini dapat ditunjukkan dalam (35) dan (36) iaitu:

35. Hang *nak* *pi* nga *sapo*?
Awak *hendak* pergi dengan siapa?

36. *Nak* *panggil* *sapo*?
Anak *panggil* siapa?

Kata *sapo* pada posisi akhir ini terbentuk apabila berlaku proses menyoal objek preposisi dan akan diikuti oleh KKT dalam (35) iaitu *pi*. KK *panggil*

pada (36) pula tergolong dalam KKT dan kata soal ini juga berfungsi untuk menyoal objek. Kata soal *sapo* ini merupakan komplemen dalam ayat.

Berdasarkan keseluruhan kata soal *sapo* yang terdapat dalam dialek Perlis iaitu yang berada di posisi depan ayat, tengah ayat dan akhir ayat ini adalah untuk menyoal objek. Kata soal ini juga boleh berada pada posisi komplemen dalam ayat.

KATA SOAL 'MANA'

Kata *mana* dalam dialek ini juga diucapkan tanpa diubah cara sebutannya iaitu disebut sebagai *mana* juga. Kata soal ini boleh hadir di posisi depan. Dalam dialek ini penggunaan kata preposisi seperti *ke*, *di* dan *dari* tidak digunakan berbanding dengan bahasa Melayu standard yang memerlukan partikel preposisi ini. Hal ini dapat digambarkan melalui contoh berikut:

37. Mana hang *tinggal*?
 Mana awak tinggal?
38. Mana nak *pi*?
 Mana hendak pergi?

Berdasarkan (37) dan (38), kata soal *mana* yang berada di posisi depan ini menyoal tempat dan diikuti oleh KKT iaitu *tinggal* dalam ayat (37) dan KKTT *pi* dalam ayat (38).

Paparan data yang menunjukkan kata soal *mana* dalam dialek Perlis yang berada pada posisi tengah adalah:

39. (a) Deppo tu *pi* mana tadi?
 Mereka tu pergi mana tadi?
 (b) *Deppo tu *pi* ke mana tadi?
40. (a) Adik *mai* mana ni?
 Adik datang mana ini?
 (b) *Adik *mai* dari mana ni?

Berdasarkan ayat *mana* ini kata soal ini menyoal tempat dan akan hadir selepas KKTT yang menerangkan pergerakan dari satu tempat ke satu tempat yang lain iaitu *pi* pada ayat (39) dan *mai* pada (40). Perhatikan kehadiran kata soal juga tidak memerlukan kehadiran kata preposisi sama ada mengikutinya atau mendahuluinya. Kehadiran kata preposisi tidak diperlukan di dalam dialek ini seperti yang dipaparkan dalam (39b) dan (40b).

Kata soal 'mana' yang berada pada posisi akhir ayat yang hadir dalam dialek Perlis ini pula dapat dilihat pada ayat:

41. Hang *duk* di mana?
 Awak duduk di mana?
42. Kappo nak *pi* mana?
 Awak hendak pergi mana?

Bagi kata soal mana juga mempunyai pola yang hadir selepas KKTT yang melibatkan perbuatan dan pergerakan iaitu pada (41) menunjukkan perbuatan *duk* dan (42) menunjukkan pergerakan yang bergerak ke sesuatu tempat yang dilihat pada kata *pi*. Hal ini kerana kata soal *mana* pada posisi belakang ini turut menyoal tempat. Namun begitu, kata preposisi *di* nampaknya diterima di dalam ujaran ayat soal dalam dialek ini. Malah penggunaan kata preposisi *di* banyak digunakan dalam dialek ini. Ini mungkin menjadi sebab penggunaan *di* diterima dalam dialek ini.

Berdasarkan kata soal *mana* yang berada di posisi depan ayat, tengah ayat dan akhir ayat ini KK yang hadir dalam ayat soal adalah berbentuk KKTT. Kata soal *mana* merupakan kata soal yang menyoal maklumat tambahan. Oleh yang demikian kata soal ini dikenali sebagai kata soal adjung.

ANALISIS DESKRIPTIF KATA SOAL

Secara keseluruhannya berdasarkan huraian deskriptif, semua bentuk kata soal yang terdapat dalam dialek Perlis iaitu, *kenapa*, *berapa*, *bagaimana*, *kenapa*, *apa*, *siapa* dan *mana* melibatkan kehadiran dalam tiga posisi iaitu depan ayat, tengah ayat dan akhir ayat. Hal ini menggambarkan bahawa kata soal dalam dialek mempunyai bentuk yang unik kerana boleh hadir dalam kesemua posisi ayat. Berdasarkan paparan data tentang kehadiran kata soal pada posisi depan ayat iaitu pada ayat (1, 2, 7, 8, 13, 14, 19, 20, 25, 26, 31, 32, 37 dan 38) adalah disebabkan oleh proses pendepanan predikat. Bagi pola keseluruhan kehadiran kata soal pada posisi tengah iaitu bagi data (3, 4, 9, 10, 15, 16, 21, 22, 27, 28, 33, 34, 39 dan 40) adalah didapati bahawa kata yang akan mengikuti kata soal adalah KK. Manakala bagi posisi akhir ayat iaitu berdasarkan pada nombor (5, 6, 11, 12, 17, 18, 23, 24, 29, 30, 35, 36, 41 dan 42) juga tergolong dalam golongan yang unik kerana kedudukan ini melibatkan kesemua kata soal. Kata soal pada posisi akhir ini kerap berlaku dalam bahasa lisan atau perbualan, tetapi kurang kerap dalam bahasa tulisan. Ayat yang dihasilkan

oleh penutur natif ini tidak menggunakan partikel *-kah* kerana menurut mereka kehadiran partikel ini akan menjadikan ayat tersebut janggal. Jadual 1 di

bawah menunjukkan kehadiran kata soal mengenai kedudukan dan jenis kata yang terdapat dalam dialek Perlis:

JADUAL 1. Kedudukan dan Jenis Kata Soal dalam Dialek Perlis

Posisi ayat \ Jenis	Depan	Tengah	Akhir
Apa	/	/	/
Bila	/	/	/
Kenapa	/	/	/
Siapa	/	/	/
Bagaimana	/	/	/
Berapa	/	/	/
Mana	/	/	/

KESIMPULAN

Kajian ini merupakan salah satu usaha awal untuk mengkaji dialek Perlis dari sudut sintaksis yang bertumpu kepada kesemua kata soal yang terdapat dalam dialek Perlis. Secara umumnya, tumpuan kawasan kajian meliputi keseluruhan kawasan kampung yang terdapat di negeri Perlis. Kajian ini dapat merumuskan bahawa kehadiran kata soal pada posisi depan ayat adalah disebabkan oleh proses pendepanan predikat yang menghasilkan ayat yang mengandungi kata soal pada kedudukan depan ayat. Hal ini seterusnya, menyebabkan berlakunya pergerakan kepada semua kata soal yang hadir pada posisi depan ayat kecuali bagi kata soal *siapa* yang bersifat *in-situ*. Kehadiran kata soal di posisi tengah adalah disebabkan oleh pergerakan kata soal ini yang diikuti oleh kata penentu *itu* dan *ini* serta kata preposisi. Pada posisi tengah ayat kata soal *siapa* dan *bagaimana* sahaja yang bersifat bergerak. Kata soal yang berada pada posisi akhir merupakan bentuk susunan yang biasa dalam sistem nahu iaitu kata soal ini menduduki unsur predikat dalam ayat dan kehadirannya adalah bersifat *in-situ*.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai oleh dana penyelidikan FRGS di bawah kod: FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/3.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. 2006. *Morfologi: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Adger, D. 2003. *Core syntax: A Minimalist Approach*. New York: Oxford University Press.
- Ajid Che Kob. 2005. Dialektologi. Dlm. *Linguistik Melayu*, disunting oleh Zulkifley Hamid, Ramli Md Salleh & Rahim Aman, 127-141. Bangi: Penerbit UKM.
- Ahmad Khair Mohd Nor. 2003. *Pengantar Sintaksis Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Asmah Hj. Omar. 2008a. *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 2008b. *Susur Galur Bahasa Melayu* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayatrohaedi. 1979. *Dialektologi: Sebuah Pengantar*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Perkembangan Bahasa.
- Chambers, J. K. & Trudgill, P. 1980. *Dialectology*. UK: Cambridge University Press.
- Chomsky, N. 1981. *Lectures on Government and Binding*. Dordrecht: Foris Publications.
- Collin, J. T. 1996. *Khazanah Dialek Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Ajid Che Kob, Harishon Radzi. 2009. Apa menyoal siapa atau siapa menyoal apa?: Analisis Minimalis kata soal dialek utara. *Jurnal Linguistik* 9: 73-93.

- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurulafiqah Suhaimi. 2011. Variasi kata soal “mengapa” dalam dialek Kedah: Satu analisis sintaksis. *Jurnal Bahasa* 11(1): 131-153.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Norasmira Noordin. 2012. Kata tanya ‘mana’ dalam dialek Pulau Pinang dalam Program Minimalis. *Jurnal Bahasa* 12(1): 87-103.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurulafiqah Suhaimi. 2013. Sintaksis kata tanya ‘sapa’ dalam dialek Kedah. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 13(1): 43-59.
- Kartini Wahab, Rogayah Abdul Razak & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2016. The verb phrase construction in Malay: A Minimalist Program approach. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 24(S) March: 21-32
- Kamus Linguistik*. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan* (Edisi Keempat). 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tatabahasa Dewan edisi baharu*. 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal, Mohammed Azlan Mis & Norhayati Lateh. 2016. The patterns of language choice at the border of Malaysia-Thailand. *Indonesian Journal of Applied Linguistics* 5(2): 176-185.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nurhidayah Mohd Hamid, Shakira Khairudin, & Harishon Radzi. 2011. Persepsi politik dalam dialek Kedah: Analisis semantik kognitif. *Jurnal Linguistik* 12 (Mac): 13-33.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2012. Situasi, peristiwa dan lakuan bahasa dalam Kalang Sama. *AKADEMIKA* 82(1): 3-14.
- Syed Arabi Idid. 2002. *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2010. Tahap penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia: Analisis Aspek Tatabahasa. *Jurnal Linguistik*. 10: 48-61.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan (corresponding author)
 Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor
 Malaysia
 E-mail: fazal@ukm.edu.my
- Noriati Muhamad
 Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor
 Malaysia
 E-mail: noriati_ukm@yahoo.com
- Received: 13 June 2016
 Accepted: 20 December 2016

